

18 MAY 2002
Samy-Tegur/I
SAMY TEGUR PERWAKILAN AGM MIC

SHAH ALAM, 18 Mei (Bernama) -- Perhimpunan agung ke-56 MIC bermula di bangunan setiausaha kerajaan negeri di sini hari ini dan seperti biasa presiden parti Datuk Seri S. Samy Vellu mengingatkan perwakilan mengenai perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan.

Selepas segala urusan biasa pagi ini iaitu menyanyikan Lagu Negaraku, lagu Barisan Nasional dan lagu MIC, presiden membuat ucapan dengan mengingatkan 1,500 perwakilan yang menghadiri perhimpunan itu mengenai perkara asas yang perlu mereka patuhi.

"Saya lihat sebahagian daripada perwakilan tidak memakai dhoti yang telah diarahkan dipakai sepanjang persidangan dua hari ini... ibu pejabat sudah menghantar makluman mengenai perkara ini tetapi masih ada yang tidak mematuhi," katanya.

Beliau mahu perwakilan memakai pakaian tradisi kaum India itu pada majlis perasmian oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

Samy Vellu juga mengingatkan perwakilan supaya tidak berebut-rebut mengambil makanan semasa makan tengah hari dan minum teh dan pastikan Dewan Jubilee, tempat berlangsungnya persidangan itu sentiasa bersih.

"Kebersihan sangat penting... jangan pandai guna kertas tisu dan buang dimerata-rata tempat, pagi ini saya pergi ke dua buah tandas dan mengutip kertas tisu yang bersepah... ini mesti dihentikan," katanya.

Samy Vellu berkata perwakilan tidak perlu berebut-rebut untuk mengambil makanan kerana makanan yang disediakan cukup untuk semua perwakilan.

Beliau juga mengingatkan perwakilan yang mahu mengambil bahagian pada perbahasan hari ini, supaya menunggu isyarat daripada speaker Tan Sri G. Vadiveloo sebelum memulakan ucapan.

"Pastikan semulanya dilakukan ikut aturan... bila masa sudah tamat, sila hentikan ucapan... jangan tunggu hingga pembesar suara dimatikan," katanya.

Mengenai ketepatan masa, presiden MIC itu kecewa kerana perwakilan yang ditempatkan di hotel berdekatan, masih datang lambat untuk urusan mesyuarat hari ini.

"Kamu perlu berada di sini pada pukul 9 pagi tetapi selepas pukul 9, masih ada orang yang berjalan masuk... pastikan semuanya berada di sini pada pukul 8 pagi esok sebelum Perdana Menteri tiba," katanya.

Mesyuarat hari ini akan membahaskan dan meluluskan laporan tahunan parti dan diikuti pembentangan dan perbahasan pindaan perlembagaan parti dan 11 resolusi.

-- BERNAMA
SR LAT